

# Si jururawat berjiwa murni

Sinar 2/5/12 M 3

**A**nda mungkin mempunyai pengalaman berkunjung ke hospital sama ada untuk melawat atau mahupun menerima rawatan kesihatan. Selama berada di sana, pandangan mata pasti tidak terlepas daripada melihat insan beruniform bertugas untuk membantu pesakit dalam tempoh rawatan.

Sekiranya tiada jururawat pasti doktor pening kepala kerana tidak cukup kaki dan tangan menguruskan pesakit yang pelbagai ragam dan ramai pada satu-satu masa. Kehadiran jururawat banyak membantu urusan hospital terutama menjaga pesakit dan membantu doktor ketika pembedahan berjalan lancar.

Berkesempatan menghadiri sambutan Hari Jururawat di KPJ Selangor baru-baru ini memberi kesempatan kepada penulis menemui Ketua Pegawai Jururawatnya, Nor 'Aini Shaarani untuk berkongsi pengalamannya berkecimpung dalam dunia jururawat selama 31 tahun.

Nor Aini berkata, minat menjadi jururawat bermula apabila dia dan adik-beradiknya yang ketika itu masih kecil kehilangan kedua ibu bapa akibat serangan penyakit. Bapa Nor Aini meninggal dunia ketika dia berusia 15 tahun disebabkan serangan jantung. Manakala ibunya pula meninggal dunia dua tahun kemudjian kerana kanser rahim.

sihat," katanya kepada penulis pada majlis berkenaan.

Anak ketiga daripada lima beradik ini berkata, menjadi seorang jururawat perlu miliki hati yang mulia bila berhadapan dengan pesakit dan perlu 'menganggap pesakit seperti ahli keluarga agar segala tugas dijalankan sentiasa baik.

"Apabila perkhidmatan yang dilakukan ke atas pesakit dengan ikhlas dan penuh rasa tanggungjawab, pesakit akan menghargai khidmat diberikan dan menyenangi jururawat tersebut.

"Ada ketikanya, keadaan pesakit tidak stabil dan mudah naik angin jika berlaku kesilapan jururawat ketika merawatnya. Justeru fahami dahulu kondisi pesakit sebelum menegurnya," katanya yang berasal dari Perak.

### Halwa telinga

Nor 'Aini berkata, setiap jururawat perlu pandai mengambil hati pesakit dan berikan penerangan mengenai apa hendak dilakukan ke atas



NOR 'AINI



Nilai murni sentiasa diterapkan terutama kepada rakan seperjuangan.

diri pesakit. Daripada penerangan itu dapat memuaskan hati pesakit dan mengurangkan tekanan dihadapi. Pengalaman berhadapan dengan pesakit selama 31 tahun membuatkan Nor Aini bijak berkomunikasi dengan pesakit.

"Komunikasi yang baik kadang-kadang dapat meredakan kesakitan pesakit dan memberikan keceriaan kepada mereka terutama ketika dalam keadaan murung dan berhadapan dengan masalah peribadi.

"Tambahkan di hospital pesakit akan sendirian tanpa keluarga dan teman untuk berbual. Justeru peranan jururawat yang menjaga di bilik wad berkenaan amat penting sebagai peneman dan ambil berat kesakitan dialami," katanya.

Kata Nor 'Aini, mendengar jerit pekik pesakit pada seorang jururawat seakan halwa telinga sahaja. Ia situasi normal yang memerlukan kesabaran jururawat untuk menghadapinya.

## Faham keadaan pesakit bagi mudahkan pemerhatian

"Disebabkan kami ditinggalkan pada usia masih mentah, saya memasang azam untuk menjadi jururawat agar boleh merawat orang sakit supaya tiada lagi orang yang meninggal kerana sakitnya tidak dapat diubati.

"Saya mahu melihat orang yang saya rawat akan berasa gembira dan balik dengan keadaan

"Setiap pekerjaan pasti ada tekanan. Begitu



**Khidmat jururawat sebagai nadi kejayaan dalam bidang rawatan moden.**

juga dengan bidang jururawat menghadapi pesakit yang pelbagai karenah. Justeru kesabaran dalam menjalankan tanggungjawab tersebut amat penting.

“Tetapi dalam kelembutan jururawat memberi rawatan, ada ketikanya perlu juga tegas agar tidak dipermainkan pesakit yang ada kalanya hanya mahu mengambil kesempatan,” katanya.

### **Pemberi semangat**

Ibu kepada seorang anak ini berkata, ketabahan dalam mengharungi dunia kejururawatan ini didorong keluarganya terutama suami dan anak yang tidak banyak merungut dengan minatnya selama ini.

“Sejak berkhidmat dalam jururawat ini ada ketikanya tidak menentu waktu kerja dan urusan rumah tangga agak terabai. Tetapi suami faham dengan kerjaya saya dan sentiasa beri motivasi tatkala luntur semangat saya.

“Anak saya juga tidak kurang penting dalam memberi keceriaan serta motivasi kepada saya untuk terus mencari rezeki dan membantu masyarakat untuk hidup sihat,” katanya yang menghargai kerjasama pihak atasannya.

Ditanya harapannya kepada bakal jururawat dan yang berkhidmat agar pupuk diri mencintai bidang yang diceburi agar ikhlas melakukan segala kerja tanpa tekanan besar bakal dihadapi.

“Dunia yang kini semakin mencabar dan teknologi terkini, jururawat perlu menambah ilmu di dada dengan mencari pengetahuan baru terutama dalam dunia perubatan.

“Pastikan juga diri memiliki sikap yang baik kepada pesakit, kawan dan persekitaran serta bersedia memberi perkhidmatan sehingga 24 jam pada satu-satu masa,” katanya.